



MAKLUMAT KESIHATAN MENGENAI KES-KES PENYAKIT PNEUMONIA YANG TERUK DI WUHAN, CHINA

1. Kementerian Kesihatan ingin mengongsikan maklumat mengenai satu kluster kes-kes penyakit pneumonia yang teruk di Bandar Wuhan, Wilayah Hubei, China. Sehingga 3 Januari 2020, pihak berkuasa Kesihatan China telah melaporkan 44 orang individu telah mengalami demam, sesak nafas, dan simptom-simptom lain yang konsisten dengan jangkitan pernafasan yang digelar pneumonia, yang mana punca penyakit masih tidak diketahui.
2. Sebagai respons pada maklumat ini, Kementerian Kesihatan telah berhubung rapat dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (W.H.O), dan negara-negara serantau, termasuk China, untuk memantau dan menilai situasi keadaan. Pada masa ini, maklumat yang ada adalah terhad untuk menentukan risiko keseluruhan kejadian ini dan potensinya untuk menyebar ke peringkat antarabangsa.
3. Sementara menunggu maklumat lanjut dari siasatan makmal dan epidemiologi, Kementerian Kesihatan akan terus mengekalkan kewaspadaan yang tinggi untuk mencegah, mengesan dan bertindak pada sebarang jangkitan pernafasan yang akut, atau penyakit-penyakit lain yang berpotensi untuk menjadi kecemasan kesihatan awam yang membawa kebimbangan antarabangsa. Sistem pengawasan kebangsaan yang dilaksanakan secara rutin akan meliputi pengesanan penyakit influenza, penyakit yang serupa dengan influenza, dan semua jenis jangkitan pernafasan akut yang teruk. **Alhamdulillah pada masa ini, tidak ada kes jangkitan pernafasan akut yang teruk dikesan di Negara Brunei Darussalam, yang berkaitan dengan kejadian di Wuhan.**

4. Pihak W.H.O tidak menyarankan sebarang sekatan perdagangan atau perjalanan ke kawasan yang terjejas atau sebarang langkah khusus untuk para pelawat atau pelancong. Walau bagaimanapun, sebagai langkah berjaga-jaga, orang ramai dinasihatkan untuk mengekalkan amalan baik berikut pada setiap masa:
 - Elakkan bersentuhan dengan haiwan hidup yang sakit termasuk ternakan dan burung, dan memakan daging-daging yang mentah serta kurang masak;
 - Elakkan menghampiri orang-orang yang tidak sihat atau menunjukkan gejala-gejala penyakit;
 - Jaga kebesihan diri dengan baik;
 - Amalkan pembersihan tangan dengan menggunakan air yang bersih dan sabun sekerapnya (seperti sebelum mengendalikan makanan atau sebelum makan, selepas menggunakan tandas, atau apabila tangan menjadi tidak bersih akibat rembesan pernafasan selepas batuk atau bersin);
 - Pakai penutup muka (*mask*) jika awda mempunyai simptom-simptom pernafasan seperti batuk atau hidung berair;
 - Tutup mulut awda dengan tisu ketika batuk atau bersin, dan buang tisu yang kotor ke dalam tong sampah dengan segera; dan
 - Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika awda berasa tidak sihat.
5. Kementerian Kesihatan akan terus memantau keadaan, dan bekerja rapat dengan pihak W.H.O serta negara-negara jiran dalam hal situasi ini, dan akan berusaha untuk memaklumkan orang ramai sebarang status terkini mengikut kesesuaian. Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam 123 atau melalui laman sesawang www.moh.gov.bn.

-TAMAT-

Tarikh : 11 Jamaddilawal 1441H / 06 January 2020
Rujukan : KK/PR/3